

## **KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT**

### **Buat Duit Dengan Dropship**

Dropship adalah perkara yang sudah sinonim dengan masyarakat masa kini. Masyarakat kini berlumba-lumba bagi menjalankan bisnes dropship ini. Namun begitu, tidak semua tahu cara yang betul bagi menjana duit dengan dropship. Oleh itu, pihak PTS Media Group kini menampilkan siri buat duit mengenai dropship, iaitu *Buat Duit Dengan Dropship*. Buku ini adalah hasil karya Nor Liza Abu Bakar.

Buku ini memberi pengetahuan mengenai cara menceburi bidang bisnes tanpa modal. Buku ini memfokuskan tentang bagaimana seseorang itu dapat memperoleh pendapatan tanpa mengeluarkan sebarang modal dengan dropship. Antara topik yang dibincangkan dalam buku ini termasuklah *Kelebihan dan kekurangan dropship, Bagaimana sistem dropship beroperasi, Bagaimana memilih produk yang mahu dijual, menjayakan produk jualan, pentingnya khidmat pelanggan, serta strategi pengurusan*. Topik-topik ini dapat memberi pengetahuan kepada pembaca mengenai cara yang betul bagi membuat duit dengan dropship.

Selain itu, penulis menulis mengenai dropship ini kerana bisnes ini semakin mendapat tempat di hati usahawan kecil dan sederhana. Oleh itu, penulis cuba berkongsi maklumat dengan pembaca berkenaan dropship supaya bisnes ini tahan lebih lama. Buku ini sesuai dibaca oleh segenap umur kerana ilmu dropship ini tidak terhad kepada sesuatu peringkat umur sahaja.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: [awatif@pts.com.my](mailto:awatif@pts.com.my)